

# PM harap keputusan gabung RHB Bank, UBG dicapai minggu ini

BH 16 JAN 2002

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau berharap **satu** keputusan akan **dicapai** antara RHB Bank Bhd (RHB Bank) dan Utama Banking Group Bhd (UBG) berhubung cadangan **penggabungannya**, minggu ini.

Perdana Menteri berkata, beliau berharap persetujuan mengenai penggabungan itu dapat dicapai kerana ia sudah **terlalu** lewat.

"**Saya** harap, mereka (RHB Bank) akan bergabung **dengan** Bank Utama," kata Dr Mahathir yang **juga** Menteri Kewangan, ketika menjawab **soalan** pemberita di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau ditemui selepas **majlis** Penyampaian **Bantuan Persekolahan** dan **Jamuan Hari Raya** Kepada Anak Yatim anjuran Lembaga **Tabung Haji**, ibu pejabat Ta-

bung Haji, Kuala Lumpur, semalam.

Sambil menegaskan **bahawa** penggabungan itu **sebagai** sukarela. **Perdana Menteri** berkata, "**kita** sudah nyatakan bahawa tiada **lagi** lesen **bagi** bank yang **mempunyai** modal kurang **dari** pada RM2 bilion".

"Jadi, **kita** tengok **apa** yang akan terjadi **kepada** Bank Utama," **katanya**.

Ditanya **sama** ada 10 bank teras adalah mencukupi untuk Malaysia, Dr Mahathir berkata. "**Kita** tidak **menjangka** akan berlaku **lagi** penggabungan buat masa **ini**, **tapi** berharap mereka akan **terus** bergabung (**sesama** sendiri) dan menjadi lebih besar".

Sebuah akhbar kewangan mingguan baru-baru **ini** melaporkan kedua-dua RHB Bank dan **UBG** diberikan

tempoh sehingga akhir **minggu ini** untuk memeterai **perjanjian** penggabungan **mereka**.

Menurut laporan itu, Bank Negara dikatakan sudah **memberi** arahan kepada dua bank berkenaan untuk **menyelesaikan** pelbagai perkara **dalam** nmdmngan mereka dan meneruskan cadangan **penggabungan**.

Rundingan penggabungan antara RHB dan UBG **bermula** pada Februari lalu tetapi dikatakan **dibelenggu** pelbagai masalah **berhubung** kos **pengambilalihannya**.

UBG bercadang **menguasai** 55 **peratus** keoentingan **dalam** RHB Capital Bhd (RHB Capital), yang **memiliki** 70 peratus saham RHB Bank, satu **daripada** tiga bank terbesar **tempatan**.